

UMS tekad terus cemerlang

Oleh **HISYAMUDDIN AYUB**

pengarang@utusan.com.my

■ KOTA KINABALU 24 NOV.

MENYAMBUT ulang tahun ke-20, Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertekad meneruskan kecemerlangan dan melakar lebih banyak kejayaan di peringkat kebangsaan malah antarabangsa.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, pelbagai rancangan dirangka bagi memastikan universiti tersebut berjaya memahat pelbagai kejayaan manis pada masa hadapan, selain mengukuhkan beberapa kepakaran yang dimiliki oleh UMS.

Menurutnya, dalam tempoh dua dekad lalu, pelbagai kejayaan berjaya diraih dalam pelbagai aspek dan merupakan satu kejayaan membanggakan terhadap warga universiti tersebut.

Sehubungan itu, jelasnya, UMS mengambil beberapa langkah proaktif dalam menjana tahap kredibiliti lebih tinggi, seterusnya



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

menjadi salah sebuah pusat kece-merlangan ilmu di negara ini.

“Langkah proaktif itu termasuk melaksanakan Pelan Strategik UMS 2013-2017 bertemakan Kecemerlangan Berterusan Menuju Kemahsyuran Antarabangsa yang mengandungi tujuh tujuan utama.

“Setiap satu tujuan utama itu akan dinilai berdasarkan petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditentukan,” katanya ketika berucap sempena penutup Istiadat Konvokesyen UMS Kali Ke-16, di sini hari ini.

Dalam majlis tersebut, Mohd. Harun turut merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada penerima Ijazah Kehormat iaitu Datuk Yong Teck Shing bagi Ijazah Kehormat Sarjana Hubungan Antarabangsa serta Prof. Madya Inon Shaharuddin Abd. Rahman untuk

Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Seni Kreatif.

Seramai 4,490 graduan berjaya menamatkan pengajian di universiti tersebut dan diraikan dalam konvokesyen kali ini termasuk 26 penerima ijazah doktor falsafah (PhD).

Mengulas lanjut, Mohd. Harun berkata, bagi mempertingkatkan jenama UMS di peringkat antarabangsa, beberapa inisiatif melalui perjanjian kerjasama atau memorandum persefahaman (MoU) telah berjaya ditandatangani.

Jelasnya, perjanjian dalam pelbagai itu melibatkan beberapa pihak termasuk dari universiti dan negara luar.

Tambahnya, antara perjanjian yang berjaya dicapai itu melibatkan penyelidikan marin dengan Universiti Nasional Singapura dan Sekolah Antarabangsa Dana Pendidikan Alam Sekitar Korea.

“Selain itu, beberapa negara seperti China, Brunei dan Timor Leste turut berhasrat menjalinkan kerjasama akademik dalam pelbagai disiplin dengan universiti ini,” katanya.



Setiap satu tujuan utama itu akan dinilai berdasarkan petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditentukan.”

DR. MOHD. HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS